



BULETIN
INFO
KONVO
BIL | 20
97 | 19

Rakyat Diseru Amalkan Konsep Kesopanan dan
Kesusilaan dan Saling Menghormati Antara Kaum

Mantan Naib Canselor UTM
Terima Gelaran Profesor Emeritus

Profesor Bidang *Turbomachinery*
Dianugerahkan Anugerah Doktor Kehormat Kejuruteraan

Pengarah Urusan KLIA Berhad
Terima Anugerah Doktor Kehormat Pengurusan Projek

Usia Bukan Penghalang
Kejayaan Warga Emas

Atlet Bola Jaring Negara Terima
Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah

“

“Saya dan juga Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor amat menitikberatkan kehidupan yang aman dan sentosa serta saling menghormati antara satu sama lain. Saya yakin kerjasama dan perpaduan antara kaum yang sudah lama terjalin dari semenjak negara kita merdeka dapat terus dikekalkan. Janganlah kita lupa apa yang disebut dalam Rukun Negara kita, antaranya “Kesopanan dan Kesusailaan”.

”



Rakyat Diseru Amalkan Konsep Kesopanan dan Kesusailaan dan Saling Menghormati Antara Kaum

Johor Bahru, 2 November – Majlis Konvoikesyen UTM kali ke-63 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru. Seramai 4,390 orang graduan menerima ijazah masing-masing bermula pada sesi pertama hari ini sehingga 5 November nanti.

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor yang juga Canselor UTM telah berkenan berangkat ke sesi pertama majlis berkenaan. Baginda turut berkenan mengurniakan ijazah kepada penerima-penerima Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana.

Dalam titah ucapan baginda, “Saya dan juga Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor amat menitikberatkan kehidupan yang aman dan sentosa serta saling menghormati antara satu sama lain. Saya yakin kerjasama dan perpaduan antara kaum yang sudah lama terjalin dari semenjak negara kita merdeka dapat terus dikekalkan. Janganlah kita lupa apa yang disebut dalam Rukun Negara kita, antaranya “Kesopanan dan Kesusailaan”. Sifat beradab adalah satu-satunya yang istimewa dalam semua budaya di negara kita – beradab terhadap ibu bapa, guru-guru, mereka yang berumur lebih tua, juga mereka yang berada di kedudukan tinggi dan yang menjalankan tugas mereka demi kesejahteraan negara kita.”

Selain itu, baginda Tuanku Canselor turut menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada UTM kerana telah menduduki tempat ke-3 di Malaysia dalam THE (Times Higher Education) *World University Rankings* 2020. Baginda Tuanku juga turut mendoakan agar UTM akan terus maju dan berjaya dalam segala bidang yang diceburi pada masa hadapan.

Pada majlis konvoikesyen kali ke-63 ini, Tuanku Canselor telah berkenan mengurniakan gelaran Profesor Emeritus kepada seorang penerima, iaitu Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd. Zulkifli bin Mohd. Ghazali, mantan Naib Canselor UTM serta dua orang penerima Anugerah Doktor Kehormat, iaitu Tan Sri Ir. (Dr.) Jamilus bin Md. Hussin yang menerima Anugerah Doktor Kehormat Pengurusan Projek dan Profesor Dr. Ricardo Martinez-Botas yang menerima Anugerah Doktor Kehormat Kejuruteraan.

Sesungguhnya, anugerah ini merupakan suatu pengiktirafan akademik tertinggi yang diberikan oleh universiti kepada tokoh akademik yang telah menyumbang bakti dalam bidang keilmuan mereka.

~ *Fadhlil*



Johor Bahru, 2 November – Mantan Naib Canselor UTM, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli bin Mohd Ghazali dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus bersempena istiadat Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63 di sini, hari ini. Istiadat penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah.

Penerima tunggal gelaran dalam majlis konvokesyen kali ini, menerajui UTM sebagai Naib Canselor selama lapan tahun, bermula dari Januari 2001 sehingga September 2008. Kerjaya beliau bersama UTM bermula pada tahun 1978 apabila dipinjamkan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai staf akademik. Sebelum memegang jawatan Naib Canselor, Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli telah memegang pelbagai jawatan pengurusan dan kepimpinan tertinggi termasuklah Ketua Jabatan, Kejuruteraan Struktur (1987-1990); Pengarah Kerja (1990-1992); Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam (1992-1997); dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar (1997-2001).

Anak kelahiran Lenggong, Perak ini mendapat pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Kemudiannya, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam di Leeds University, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Struktur di Strathclyde University, Scotland. Pada tahun 1986, Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli memperoleh Doktor Falsafah dari Universiti Sussex, United Kingdom. Pada tahun 1995 pula, semasa berkhidmat sebagai Dekan di UTM, beliau menghadiri Program Pengurusan Antarabangsa di INSEAD, iaitu Sekolah Pengurusan Eropah yang terkenal di Perancis. Seterusnya, pada tahun 2004, atas tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Sekolah Perniagaan Harvard yang berprestij, Amerika Syarikat.

Beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan universiti sehingga tertubuhnya Pusat Teknologi Maklumat Perniagaan (BATC) dan UTM SPACE (Sekolah Profesional dan Pendidikan Berterusan), iaitu sebuah badan yang mengetuai inisiatif pembelajaran sepanjang hayat di UTM serta pembangunan semula Kampus Kuala Lumpur. Bagi penubuhan BATC dan SPACE, beliau merupakan penggerusi bagi kedua-dua gerakan pembangunan ini.

Semasa beliau masih berkhidmat di UTM, selain memberikan tumpuan kepada kecemerlangan akademik, beliau turut memberikan penekanan terhadap pembangunan karakter pelajar melalui aktiviti kokurikulum seperti PALAPES, sukan, dan renang. Beliau turut memainkan peranan penting untuk mendapatkan dana pembangunan yang diperlukan untuk kemudahan kokurikulum seperti Stadium UTM dan kolam renang.

Sementara itu, Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli turut mempunyai kelayakan profesional, antaranya sebagai Jurutera Profesional berlesen dan Jurutera Profesional ASEAN Chartered (ACPE),



Mantan Naib Canselor UTM Terima Gelaran Profesor Emeritus

serta Jurutera Profesional Antarabangsa (Int. PE) di bawah International Engineering Alliance Agreement. Sewaktu menyandang jawatan Naib Canselor UTM, beliau turut menganggotai beberapa majlis/institusi/badan. Pada tahun 2008, beliau telah dianugerahkan ‘Technology Business Review ASEAN CEO Award for Management’.

Tan Sri Datuk Ir. Dr. Mohd Zulkifli mempunyai cara pendekatan mendidik yang tersendiri apabila menekankan kajian kes dan simulasi yang mendedahkan pelajar kepada aspek teori dan praktikal sesuatu subjek. Falsafah pengajarannya ialah pelajar yang matang dapat belajar secara terbaik apabila mereka bermotivasi untuk mengemukakan pandangan mereka, berdebat sesama rakan sekuliah, dan juga profesor. Beliau juga percaya bahawa pelajar perlu menjadikan profesor itu bukan hanya sebagai pensyarah mereka tetapi sebagai jurulatih, mentor, atau rakan mereka.

Atas sumbangan dan bakti beliau yang cukup meluas dalam bidang kejuruteraan dan pendidikan, Tan Sri Datuk Dr. Mohd Zulkifli telah dikurniakan beberapa anugerah, iaitu Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) dan Darjah Panglima Jasa Negara (PJSN) pada tahun 2001, serta Panglima Setia Mahkota (PSM) pada tahun 2007 daripada Yang di Pertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri.

~ Nur'Aina



PENGARAH URUSAN KLIA BERHAD

terima

ANUGERAH DOKTOR KEHORMAT PENGURUSAN PROJEK



Johor Bahru, 2 November – Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63 telah mencatatkan sejarah dan kenangan terindah kepada Tan Sri Ir. (Dr.) Jamilus bin Md. Hussin, Pengarah Urusan KLIA Berhad apabila beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Doktor Kehormat Pengurusan Projek. Pengurniaan anugerah berkenaan disempurnakan oleh Tuanku Canselor UTM pada sesi pertama Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63, bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru. Anugerah ini merupakan sebuah pengiktirafan UTM kepada tokoh yang telah banyak berjasa serta berjaya memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Ketika menyampaikan ucapan jasa, Tan Sri Ir. (Dr.) Jamilus yang berpengalaman luas lebih daripada 50 tahun dalam bidang reka bentuk, pembinaan dan pengurusan bangunan, serta projek infrastruktur, sempat memberikan beberapa panduan berkenaan

kepentingan pengurusan projek, iaitu memulakan, merancang, melaksanakan, mengawal, dan menamatkan kerja. Menurut beliau lagi, andai salah satu daripada kriteria itu tidak dicapai, maka projek berkenaan akan menemui kegagalan.

Beliau yang pernah berkhidmat di UTM sebagai seorang pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam, turut mengingatkan para graduan agar menguasai sepenuhnya bidang pengajian yang diikuti. Pada hemat beliau, universiti merupakan sebuah tempat para graduan menimba ilmu pengetahuan dan pada akhirnya mereka perlu bijak mengaplikasi ilmu tersebut ketika mereka bekerja.

Sebelum mengakhiri ucapan beliau, Tan Sri Ir. (Dr.) Jamilus sekali lagi mengingatkan bahawa sesuatu kejayaan atau kegagalan sesebuah projek pembangunan bergantung pada bagaimana projek itu direncana dan diuruskan.



FESKO63



UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



LEAD TO VICTORY!!!

ROBOTIC SPEED CHALLENGE

03 NOVEMBER 2019
KHEMAH UTAMA FESKO 63, UTM
2.00 PM - 6.00 PM

FEE

**RM
55**

RC CHALLENGE
OPEN FOR ALL
2-3 PERSON PER TEAM
1 ROBOT PER TEAM

ROBOTIC SOCCER
16 Y/O OR BELOW
2-3 PERSON PER TEAM
2 ROBOT PER TEAM (TUAH MINI)

****CERTIFICATE FROM UTM WILL BE GIVEN TO PARTICIPANTS****

**REGISTRATION OPEN
UNTIL 20/10/19**

CIMB: 7629355443 (ZAHIRAH BINTI ZAINAL)

**ANY ENQUIRIES: +60 13-720 3899 (ZAHIRAH)
+60 12-846 5099 (NAZRIN)**

Johor Bahru, 2 November – Seorang profesor bidang *turbomachinery* dari Imperial College London, iaitu Profesor Dr. Ricardo Martinez-Botas telah dianugerahkan Anugerah Doktor Kehormat Kejuruteraan bersempena Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63. Pengurniaan anugerah berkenaan telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor UTM di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

Justeru, penganugerahan ini merupakan suatu bentuk penghargaan kepada Profesor Dr. Ricardo yang memainkan peranan penting dalam kerjasama antara UTM dengan Imperial College London melalui pusat penyelidikan LoCARtic yang telah ditubuhkan secara rasminya pada Januari 2014.

Sebagai seorang pakar dalam bidang *turbomachinery*, beliau banyak melakukan penyelidikan berkaitan penggunaan kenderaan berkarbon rendah dengan penekanan khusus kepada enjin berkuasa rendah, *turbocharger*, dan sistem penyimpanan tenaga. Bersama pasukannya, beliau telah berjaya membina sebuah pusat aerodinamik *turbocharger* yang diiktiraf dunia.

Profesor Dr. Ricardo bukan sahaja hebat dalam bidang penyelidikannya, bahkan beliau merupakan seorang pendidik yang bermotivasi tinggi. Beliau sering mendorong pelajarnya menimba ilmu pengetahuan agar berjaya menjadi saintis dan jurutera berkualiti tinggi. Beliau juga sentiasa bersemangat berkongsi ilmunya bersama para pelajar dan berusaha untuk memastikan segala usaha penyelidikannya dapat meninggalkan impak positif serta menjadi legasi kepada generasi akan datang.

- Nur 'Aina Osman



Profesor Bidang *Turbomachinery* Dianugerahkan Anugerah Doktor Kehormat Kejuruteraan



Dr. Zulkifli Ab. Latiff



USIA BUKAN PENGHALANG

Kejayaan Warga Emas

JOHOR BAHRU, 2 November – Meskipun sudah berstatus warga emas, namun berkat iltizam serta kesabaran yang tinggi Dr. Zulkifli bin Ab. Latiff, 63 telah berjaya membuktikan usia bukanlah penghalang baginya untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional), sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia kali ke-63.

Sepanjang tempoh pengajian bermula tahun 2007, beliau akui pernah menghadapi masalah kesihatan dan pernah diserang penyakit jantung pada pertengahan tahun 2014, tetapi semua itu tidak pernah melunturkan semangatnya. "Kejayaan ini memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang kuat, sentiasa sabar menghadapi segala dugaan dan rintangan tanpa sesekali memikirkan langkah untuk berpatah balik", ujar beliau yang juga merupakan pesara guru yang telah berkhidmat selama 38 tahun.

Suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif amatlah penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. "Isteri saya sentiasa mensiapkan ruang belajar di rumah dengan bahan bacaan serta peralatan pembelajaran." Tambah beliau lagi, kejayaan yang dikecapai hari ini merupakan hasil dorongan dan sokongan daripada keluarga, rakan-rakan serta Universiti Teknologi Malaysia yang tercinta.

Sebelum mengakhiri wawancara, Dr. Zulkifli menganggap kejayaannya ini akan menjadi pemangkin semangat kepada anak-anak serta cucu-cucunya agar sentiasa mencintai ilmu selain menjadi contoh kepada warga emas seusianya agar tidak jadikan umur sebagai halangan untuk terus menuntut ilmu.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



LEAD TO VICTORY!!!
JOHOR
RUN BIKE

03 NOVEMBER 2019

8.00 AM - 1.00 PM

TAPAK AKTIVITI & KHEMAH DIRAJA FESKO 63, DATARAN UTM



**1 PERSON
PER ENTRY**



**02-08
YEARS OLD**



**RM
25**

PRIZE (FOR EVERY CATEGORY)

1ST HAMPER WORTH RM100

2ND HAMPER WORTH RM80

3RD HAMPER WORTH RM50

CATEGORY

A B C D E F

AGE (YEARS OLD)

2 3 4 5 6 7-8

**REGISTRATION OPEN
UNTIL 12/10/19**

CIMB: 7619608696 (FARAH AZRINA BINTI NILMY)

ANY ENQUIRY: +60 17-760 0761 (AISHAH)

+60 12-923 4365 (AZRINA)

Atlet Bola Jaring Negara Terima Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah

Johor Bahru, 2 November – Atlet Bola Jaring Negara, iaitu Nur Fariha binti Abdul Razak terus menempa sejarah apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah Haji Hashim bersempena Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63. Pengurniaan anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor UTM, di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

Ketika ditemui pemberita, Nur Fariha berasa teruja kerana terpilih sebagai penerima anugerah berkenaan, di samping merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak UTM yang telah banyak memberikan kerjasama dan sokongan serta memahami jadual latihan sukan beliau yang padat.

Sebagai seorang atlet negara, masa merupakan cabaran utama bagi beliau. Hal ini kerana Nur Fariha sering tidak dapat hadir ke kuliah dan terpaksa menangguhkan pengajian akibat terikat dengan jadual latihan dan perlawanan bola jaring yang padat.

Beliau yang menjadikan Datuk Nicol Ann David sebagai sumber inspirasi, turut berbesar hati memberikan sedikit nasihat serta kata-kata semangat kepada bakal graduan supaya tidak mudah berputus asa dan cekalkan hati sekiranya mahukan sesuatu. *"If you want something, you work for it. Just do it."* Kata-kata inilah sering menjadi pembakar semangat agar beliau tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu mengakhiri perbualan.

~ Syazlin Sarapol

“ If you want something, you work for it. Just do it. ”





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



LEAD TO VICTORY!!!
JOHOR
RUN BIKE

03 NOVEMBER 2019

8.00 AM - 1.00 PM

TAPAK AKTIVITI & KHEMAH DIRAJA FESKO 63, DATARAN UTM



**1 PERSON
PER ENTRY**



**02-08
YEARS OLD**



**RM
25**

PRIZE (FOR EVERY CATEGORY)

1ST HAMPER WORTH RM100

2ND HAMPER WORTH RM80

3RD HAMPER WORTH RM50

CATEGORY

A

B

C

D

E

F

AGE (YEARS OLD)

2

3

4

5

6

7-8

**REGISTRATION OPEN
UNTIL 12/10/19**

CIMB: 7629355443 (ZAHIRAH BINTI ZAINAL)

ANY ENQUIRY: +60 17-760 0761 (AISHAH)

+60 13-720 3899 (ZAHIRAH)

Apa Kata Mereka

Konvokesyen UTM ke-63

"I Love UTM!
#IamUTM"

Stephanie Duni
Diploma Pengurusan Harta Tanah

"If opportunity doesn't knock
build a door
Insya-Allah we will success
Thanks to all! Alhamdulillah..."

Dr. Ahmad Sh. Ahmad (Iraq)
Ph.D. (Biomedical Engineering)

"I can't wait
to celebrate
the exciting moment
of my life
with my family
and friends!
Thanks UTM"

"Thank you to my family,
lecturers, friends and everyone
who supports me till now.
Thank you for always be with me
whenever you are needed."

Jevananthan A/L Sabapathy
Sarjana Muda Kejuruteraan
(Nuklear)

Sheila Melania (Indonesia)
Sarjana Muda Pengurusan
(Teknologi)

"Pengalaman yang
tidak dapat dilupakan
untuk menjadi sebahagian
daripada graduan UTM.
Saya bersyukur
atas kejayaan ini."

Muhammad Irfan Fahmi bin Suhaimi
B.Eng. (Bio-Medical)

"I'm so happy to be part of UTM
graduates and excited to move on
to a new step in my life.
Congratulations to all!"

Dr. Siti Samahani binti Suradi
Doktor Falsafah (Kejuruteraan Polimer)

"Knowing is not enough;
we must apply.
Willing is not enough;
we must do. Be brave to stand
for what you believe in.
Thanks UTM"

Dr. Fatai Idowu Sadiq
(Nigeria)
Ph.D. (Computer Science)

"Pengalaman hidup yang sangat
bermakna dan berharga sepanjang
saya belajar di UTM.
Terima kasih kepada ahli keluarga,
rakan, serta para pensyarah UTM
yang budiman."

Chin Kok Hung
Diploma Pengurusan Teknologi
(Perakaunan)

PENAUNG: Abdul Razib Haji Shahuddin

SIDANG PENGARANG: Ungku Haliza Ungku Zahar (Ketua Editor), Salina Shamsuri, Mohd Hafifi Jamal,
Ahmad Fadhl Syed Hassan, Nur 'Aina Osman, Sharil Amri Jamaludin, Syazlin Sarapol, Nurazrena Norazman
GRAFIK: Hafizah Mohamad Ahyah, Norizan Yaacob, Mohamad Hairy Zolkefle FOTO: Nor Azman Sukri, Marzuqi Zainal

LAMAN SESAWANG: Zuraida Abd. Ghani LOGISTIK: Suhaimi Ikhwan

<http://web.utm.my/convocation/>
facebook: Info Terkini Konvo UTM

Hakcipta Terpelihara © Universiti Teknologi Malaysia